



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.10/2024
PADA 23 OKTOBER 2024 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum. Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera. Salam Malaysia Madani.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai;
 - IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
 - V. YB Hajah Tengku Zamrah Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan;
 - VI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - VII. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - VIII. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - IX. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - XI. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Sewaktu Bengkel Pelan Strategik 2026-2030 Siri 1 yang telah diadakan pada minggu yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban telah mengundang Tuan Haji Roslan bin Mohamad atau lebih dikenali sebagai Pak Cik Lan di aplikasi tiktok, beliau merupakan Mantan Pengarah Kanan 1 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), pernah berkhidmat di Petronas, Syahpadu dan Celcom dalam bidang strategik korporat.
5. Antara perkara yang saya ingin kongsi, beliau telah menghuraikan mengenai **Al-Falah** dan **Infinite Mindset**. **Al-Falah** bermaksud **Kejayaan** manakala **Infinite Mindset** merujuk kepada cara berfikir yang menekankan bahawa kejayaan dan matlamat bukanlah sesuatu yang terhad atau ditentukan oleh pencapaian tertentu, tetapi lebih kepada perjalanan berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat.
6. Perubahan sememangnya merupakan proses yang berterusan, dan penting untuk kita menyedari bahawa ia memerlukan penyertaan aktif kita. Dengan memilih untuk menerima perubahan dan bukan sekadar mengamatinya, kita dapat membentuk hasil yang selari dengan matlamat dan nilai kita.

7. Kuncinya terletak pada mengalihkan fokus kita daripada sekadar bertindak balas terhadap peristiwa kepada secara proaktif berinteraksi dengannya. Mindset proaktif ini memberdayakan kita untuk mengambil tanggungjawab atas tindakan dan keputusan kita.
8. Sehubungan dengan itu, bagi **Memacu Perubahan Melalui *AI Falah* dan *Infinite Mindset***. Kita perlulah ;

- I. *Clarity of Purpose*

Kejelasan Tujuan – objektif yang lebih tinggi, sebab yang murni.

Setiap warga MBS perlu jelas terhadap tujuan kita berada di MBS. Apakah yang kita perlu, wajib sumbangkan sewaktu kita berkhidmat untuk warga bandar raya?

- II. *Continuous Learning*

Pembelajaran Berterusan – percaya kepada kitab-kitab yang diwahyukan, persaingan yang sihat.

Dalam meniti perjalanan MBS, warga MBS perlulah percaya terhadap untuk sentiasa berkhidmat membantu dalam merealisasikan visi & misi MBS. Jadikanlah pencapaian besar yang diraih oleh PBT-PBT yang lain sebagai contoh untuk kita memperbaiki kelemahan dan meningkatkan prestasi.

- III. *Long-term views*

Pandangan Jangka Panjang – dunia dan akhirat, bukan hanya berkaitan dengan suku tahun atau tahunan tetapi generasi.

Setiap idea, tanggungjawab dan tugas dalam memberi perkhidmatan perbandaran kita, mestilah sesuatu yang akan

memberi sebuah kebaikan jangka masa panjang. Ibadah kita terhadap kerja yang dijalankan In Shaa Allah akan diberkati oleh Nya dan memberi manfaat buat seluruh warga bandar raya.

IV. *Teamwork*

Kerjasama – *menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, membina pasukan yang saling percaya.*

Kerjasama kita sebagai warga kerja MBS sememangnya menjadi tunjang kepada kekuatan MBS. Seperti yang pernah saya katakan hindarilah *mentality silo*. Masyarakat tidak kenal Jabatan itu atau Jabatan ini. Selagi kita bernaung di bawah logo MBS, MBS lah kita. Kejayaan yang diperolehi MBS adalah kejayaan kita bersama.

V. *Leadership*

Kepimpinan – *imammul muttaqien (imam bagi orang yang bertaqwa) keberanian untuk memimpin.*

Kepimpinan adalah proses mempengaruhi dan memotivasi individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat bersama. YBhg. Dato', Tuan-tuan & Puan-puan adalah pemimpin. Seperti mana mandat yang diterima, begitulah tanggungjawab yang dipikul. Pemimpin yang berjaya bukan hanya mencapai matlamat, tetapi juga membentuk individu dan pasukan yang berkualiti

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Mengamalkan pemikiran ***Al Falah*** dan ***Infinite Mindset*** dapat membantu kita memacu perubahan dengan berkesan. Pemikiran ini mendorong kita untuk melihat peluang dalam cabaran dan menganggap perjalanan kita sebagai satu proses pertumbuhan dan penyesuaian yang berterusan.

Change is a constant in life but the rate is exponential. Change is a process, multidimension, difficult and disruptive...with Al Falah and Infinite mindset and of course by the Grace of Allah, we can navigate it to arrive to the destination Al Falah fidduniya wal akhirah..

10. Kesimpulannya, ia adalah tentang bertindak terhadap perkara yang telah dan akan berlaku, bukan membiarkan keadaan menentukan hala tuju kita. Nilai sebenar kita terletak pada kemampuan kita untuk mencipta perubahan positif dan memberi impak kepada terhadap sekeliling kita. Terimalah tanggungjawab ini, dan anda bukan sahaja akan kekal relevan tetapi juga berjaya dalam landskap yang sentiasa berubah. Kita bukan sahaja dapat mengorak sebuah MBS yang Mampan, Bersih & Sejahtera, malah mampu menulusuri sebuah MBS yang **Menang, Bergaya, Selalu! In shaa Allah**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

11. Sehingga 20 Oktober 2024, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (130.95 Juta)

Prestasi = **RM123.30 Juta (80.30%)**

(b) Sasaran 30% Tunggakan (RM26.02 Juta)

Prestasi = **RM14.62 Juta (16.86%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.50 Juta)

Prestasi = **RM127.84 Juta (87.86%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56 Juta)

Prestasi = **RM192.92 Juta (86.29%)**

(e) Belanja Mengurus (RM224.43 Juta)

Prestasi = **RM161.94 Juta (72.16%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM15.02 Juta)

Prestasi = **RM6.87 Juta (45.74%)**

12. Manakala perbandingan bagi tahun 2023 pula, sehingga 22 Oktober 2023 ;

****PERBANDINGAN TAHUN 2023 SEPERTI DI PAPARAN****

a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (RM122.15Juta)

Prestasi = RM116.85Juta (81.30%)

(b) Sasaran 30% Tunggakan (RM25.12 Juta)

Prestasi = **RM16.12 Juta (19.25%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142.10 Juta)

Prestasi = **RM127.81 Juta (89.95%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205.50 Juta)

Prestasi = **RM190.78 Juta (92.84%)**

(e) Belanja Mengurus (RM218.07 Juta)

Prestasi = **RM162.49 Juta (74.51%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM15.74Juta)

Prestasi = **RM4.88 Juta (31%)**

13. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, sepanjang bulan September Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan operasi kutipan cukai taksiran dari pintu ke pintu di beberapa taman perumahan seperti ;

- I. Taman Desa Kolej,
- II. Taman Desa Casuarina,
- III. Taman Bukit Citra,
- IV. Taman Perdana College,
- V. Taman Desa Pinggiran Bayu,
- VI. Taman Desa Melati,
- VII. Taman Mulia

14. Hasil daripada aktiviti operasi kutipan yang dijalankan ini berjaya menghasilkan kutipan berjumlah **RM58,675.70** daripada **121 bilangan akaun**.
15. Manakala bagi lawatan premis di Kawasan Perindustrian Ringan Tasik Jaya berjaya meraih kutipan berjumlah **RM58,978.30** daripada **48 bilangan akaun**.
16. Selain itu, MBS turut membuka *booth* kaunter bergerak pembayaran cukai taksiran dan kompaun di program-program seperti;
 - I. Program Karnival Pertanian Anjuran Pejabat Pertanian Daerah Seremban di Dataran Ampangan,
 - II. Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sembilan di AEON Seremban 2,
 - III. Program Himpunan Bikers sempena Sambutan Maulidur Rasul di Masjid Kariah Taman Bandar Senawang,
 - IV. Festival Caklempong 2024 di Dataran Gembox, Nilai,
 - V. Program Harmoni Komuniti MADANI anjuran JMB Pangsapuri Laman Villa,
17. Hasil daripada pembukaan kaunter bergerak ini, MBS berjaya meraih hasil kutipan berjumlah sebanyak **RM77,636.60** daripada **3130 bilangan kutipan akaun**. Tahniah kepada pasukan-pasukan Jabatan Kewangan MBS yang turut dibantu oleh Ahli Majlis MBS.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

18. Sehingga 30 September 2024, MBS telah menjalankan aktiviti ;

- Kawalan *fogging* di **47,090** buah premis
- *ULV* di **86,909** buah premis
- *Larvaciding* di **371** lokaliti
- *Source reduction* di **371** lokaliti
- Gotong royong di **112** buah taman

19. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS mulai 1 Julai 2024 hingga 31 Julai 2024 mencatatkan;

a) Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2

52 pengebumian jenazah

b) Tanah Perkuburan Islam Ainsdale

7 pengebumian jenazah

c) Tanah Perkuburan Kristian Sendayan

5 pengebumian

d) Tanah Perkuburan Islam yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini sehingga 30 September 2024.

20. Untuk makluman semua, Jabatan Kesihatan Persekitaran juga telah menyertai lawatan penanda aras bersama Majlis Perbandaran Port Dickson ke Majlis Perbandaran Teluk Intan bagi meninjau pengurusan anjing terbiar di daerah Teluk Intan. MPTI telah menggunakan kaedah *put-to-sleep* (PTS) bagi anjing terbiar yang tidak dibuat tuntutan di tempat penyimpanan anjing selepas dari 7 hari dari tempoh penangkapan dibuat.
21. Sehubungan dengan itu, saya mohon agar Jabatan Kesihatan Persekitaran dan *third party* dapat mengenalpasti alternatif-alternatif lain yang digunakan pbt-pbt lain terhadap isu anjing terbiar ini selain kaedah PTS ini.

SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

22. Bagi menyelesaikan isu tapak penjaja di Bandar Tasik Senangin, Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan bersama-sama Encik Mazalan bin Maarop, Ahli Majlis MBS telah mengadakan lawatan tapak bagi mengenalpasti lokasi-lokasi yang berpotensi untuk menempatkan MyKiosk.

23. Pada kali ini, sebanyak 10 buah unit MyKiosk akan ditempatkan di Bandar Tasik Senangin menjadikan ini adalah MyKiosk pertama di kawasan Dun Lenggeng. Bancian dan temuduga kepada penjaja akan dilaksanakan setelah MyKiosk siap sepenuhnya dianggarkan pada hujung tahun 2024 ini. In Shaa Allah.

SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

24. Pada masa ini Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBS sedang melaksanakan kerja-kerja nilai cukai taksiran untuk dikuatkuasakan pada 1 Januari 2025. Pihak jabatan bertanggungjawab mengeluarkan Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilai kepada pemilik harta yang terlibat dengan perubahan cukai taksiran. Notis Kenyataan Pindaan Senarai Nilai adalah notis pemakluman kepada pemilik harta dalam kawasan Majlis tentang harta yang dicukai, amaun cukai taksiran yang dikenakan dan tarikh cukai taksiran dikuatkuasakan.
25. Untuk Pindaan 1 Januari 2025, sebanyak 10,015 notis telah dicetak pada 18 Oktober 2024 dan dijangka serahan dan pengeposan selesai pada 1 November 2024 melibatkan harta-harta yang telah dikeluarkan CCC, nilai tanah kosong, tukar syarat harta, pecah sempadan, penyantuman lot dan lain-lain yang melibatkan berlakunya perubahan nilai pada sesuatu harta atau wujudnya harta-harta baru.

26. Pemilik harta yang terlibat diberikan masa 30 hari dari notis untuk mengemukakan bantahan/rayuan kepada pihak Majlis. Semua bantahan akan didengari dalam Mesyuarat Lembaga Bantahan/Rayuan Cukai Taksiran yang dijadualkan pada 10 dan 11 Disember 2024. Semua pemilik harta yang membuat bantahan/rayuan akan diberikan surat maklumbalas keputusan mesyuarat 2 minggu selepas mesyuarat diadakan.

SUMBER : JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

27. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, MBS telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun sehingga 8 Oktober 2024. Pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti berikut;

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 01/01/2024 HINGGA 08/10/2024		
JUMLAH BILANGAN KOMPAUN	55,132	
NILAI AMAUN	RM 9,418,797.00	
BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	11055	20 %
NILAI AMAUN BERBAYAR	RM 1,276,956.00	13.6 %

28. Sebanyak **419 kertas siasatan** telah dibuka sehingga 8 Oktober 2024. Manakala **6960 kompaun** telah dikeluarkan merangkumi ;

BIL	JENIS KOMPAUN	JUMLAH
1	Kompaun iklan	3303
2	Kompaun hiburan	50
3	Kompaun rumah urut	57
4	Kompaun rumah tumpangan	45
5	Kompaun tred perniagaan	2452
6	Kompaun penjaja	1053
JUMLAH		6960

SUMBER : JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP

29. Bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan lanskap dan taman serta membudayakan landskap dalam kalangan masyarakat di peringkat awal, Jabatan Taman & Landskap telah mengadakan Program Pembudayaan Landskap di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohd Said, Nilai. Program ini turut dibantu Jabatan Landskap Negara yang disertai guru-guru dan pelajar-pelajar.
30. Melalui program ini, secara tidak langsung peserta telah menerima pendedahan maklumat berkaitan landskap dan dapat menjadi agen penyampaian bagi meningkatkan hasil dan impak positif dalam usaha kerajaan untuk memupuk dan mendidik masyarakat supaya

berpengetahuan dan berkemahiran dalam memelihara dan memulihara kawasan landskap dan persekitaran.

31. Selain itu, JTL juga telah mengadakan Lawatan Kerja dan Sesi Knowledge Sharing di ;
 - I. MAHA 2024, MAEPS Serdang (18 September 2024)
 - II. Majlis Bandaraya Seberang Perai (26-28 September 2024)
32. Perkara ini, sedikit sebanyak dapat meningkatkan kualiti kerja landskap terhadap kepentingan inovasi dalam usaha mencari jalan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam sektor pertanian disamping pengetahuan mengenai teknologi-teknologi pertanian moden yang digunakan.

SUMBER : JABATAN TAMAN & LANDSKAP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

33. Untuk makluman semua, sehingga bulan Oktober 2024, MBS telah melantik seramai **34 orang staf lantikan baharu** dan **32 orang staf lantikan kontrak telah menerima lantikan tetap.**
34. Manakala bagi kenaikan pangkat seramai ;
 - I. **14 orang** pegawai dan kakitangan telah dinaikkan pangkat secara Time-Based (TBK 1 & TBK 2)
 - II. **8 orang** (Memangku)
 - III. **2 orang** (Pengisian Jawatan)
 - IV. **10 orang** (Pengesahan Jawatan)

35. Selain daripada itu, Jabatan Khidmat Pengurusan juga telah mengadakan Kursus Pengurusan Kenderaan bagi pegawai kenderaan dan pemandu MBS melibatkan 64 orang pegawai dan urusetia. Kursus ini diadakan bagi meningkatkan kefahaman mengenai aspek-aspek peraturan dan keselamatan jalan raya serta pengurusan dan penjagaan kenderaan jabatan mengikut tatacara yang betul telah disampaikan oleh Encik Halmi bin Rasidi, Penolong Jurutera Jabatan Kerja Raya Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Seremban.

SUMBER : JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

36. Pada 9 – 11 Oktober 2024, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) melalui Jabatan Perancangan Pembangunan telah menyertai *International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2024 (IGEM 2024)* di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) dengan kerjasama strategik agensi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bersama Majlis Bandaraya Seremban, Jabatan Perhutanan, SWM Environment, Syarikat Geo Info dan Syarikat Ground Control yang mewakili Pavilion Kerajaan Negeri Sembilan.
37. Bertemakan '**Race Towards Net Zero: Regional Leadership for Climate Urgency**' penganjuran edisi 2024 berdasarkan lima teras utama iaitu **Memperkasakan Bandar, Mengelektifikasi Mobiliti, Menyahkarbonkan Tenaga, Memulihara Biodiversiti, dan Accelerating Circularity**. Konvensyen IGEM 2024 ini telah dirasmikan oleh YB Mohd Rafizi bin Ramli, Menteri Ekonomi dan YB

Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Turut hadir sesi perasmian dan lawatan ke Booth Kerajaan Negeri Sembilan adalah YAM Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz.

38. Pelbagai pameran dan informasi yang diketengahkan dibawah booth Kerajaan Negeri Sembilan antaranya Pelan Tindakan Bandar Pintar & Bandar Rendah Karbon Seremban 2027 serta sesi *Pocket Talk* yang telah disampaikan oleh wakil Jabatan Kejuruteraan, En. Abdul Hakim bin Abd Halim dengan ciptaan produk eco-friendly iaitu Dual Powered Street Light. Selain itu, Pavilion Negeri Sembilan turut mendapat pengiktirafan, Best Appreciation Awards IGEM 2024.

SUMBER : JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

MAJLIS APRESIASI HARI KEBANGSAAN DAN INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

39. Bersempena Majlis Apresiasi Hari Kebangsaan & Inovasi Peringkat Negeri Sembilan yang diadakan pada 1 Oktober 2024 yang lalu, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada kumpulan KIK MBS yang terdiri daripada **Kumpulan AQAR** (Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan) dan **Kumpulan Awan Biru** (Unit Komunikasi Korporat bersama Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi) kerana kedua-dua kumpulan telah berjaya mendapat tempat ke-3 bagi kategori **Inovasi Sosial** (Aqar) dan **Penyampaian Perkhidmatan** (Awan Biru) dalam Pertandingan Konvensyen Inovatif & Kreatif Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2024.

40. Dalam pada itu, MBS juga berjaya dinobatkan sebagai naib johan bagi pertandingan perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan peringkat Negeri Sembilan kategori Jabatan & Agensi Kerajaan.
41. Kejayaan yang diterima ini membuktikan bahawa usaha dan dedikasi yang ditunjukkan telah membuahkan hasil positif. Ia menunjukkan komitmen yang kuat, kerjasama yang efektif dalam pasukan, serta ketahanan dalam menghadapi cabaran. Selain itu, kejayaan ini mencerminkan pembelajaran berterusan dan pelaksanaan strategi yang jelas, serta keberanian untuk berinovasi. Secara keseluruhannya, kejayaan ini menguatkan keyakinan untuk terus maju dan mencapai pencapaian yang lebih besar di masa hadapan.

SUMBER : UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PENUTUP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

HARI BERTEMU PELANGGAN 2024 MBS

42. Pada 12 Oktober yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan 2024 di Kipmall Lavender Height, Senawang. Turut berlangsung ialah Majlis Peluncuran Pelan Tindakan Khas Pekan Mantin telah disempurnakan oleh YB Tuan Arul Kumar A/L Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan.
43. Saya ingin mengambil kesempatan, mengucapkan jutaan terima kasih kepada pengunjug-pengunjug yang hadir diikuti agensi-agensi yang

terlibat sama dalam menjayakan Hari Bertemu Pelanggan MBS 2024 seperti ;

- I. Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban,
- II. Tenaga Nasional Berhad,
- III. Pusat Khidmat Pelanggan Sains,
- IV. SWCorp Negeri Sembilan,
- V. SWM Environment Sdn Bhd,
- VI. Pejabat Kesihatan Daerah Seremban,
- VII. Suasa Efektif (M) Sdn Bhd,
- VIII. Oval Success,

44. Engagement program bersama masyarakat seperti Hari Bertemu Pelanggan, Majlis Bacaan Yaasin di masjid-masjid, Program Gotong-royong dan Kempen-kempen kutipan cukai membolehkan kita memahami keperluan dan kehendak warga bandar raya dengan lebih mendalam. Melalui interaksi langsung, kita dapat mendengar suara mereka, mengenal pasti isu-isu yang penting, dan mendapatkan maklum balas tentang perkhidmatan serta inisiatif yang ada.
45. Melalui kerjasama semua dan penglibatan aktif, kita dapat mencipta suasana yang lebih inklusif dan responsif, di mana setiap warga merasa didengari dan dihargai. Ini akhirnya akan membawa kepada pembangunan yang lebih mampan dan kesejahteraan Bersama. ***Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.***
46. Akhir sekali, sempena sambutan Hari Deepavali yang bakal berlangsung pada 31 Oktober nanti, saya ingin mengucapkan Selamat

Hari Deepavali kepada semua yang meraikannya. Bersama-sama kita menghargai nilai kebersamaan antara kaum, kerana ia merupakan asas kepada keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat. Kebersamaan ini membolehkan kita saling memahami, menghormati perbezaan, dan bekerjasama untuk mencapai matlamat bersama. Mari kita raikan kepelbagaian ini dan terus memperkukuh ikatan antara kaum demi kesejahteraan bersama selaras dengan prinsip Malaysia MADANI.

Sekian, *Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
23 OKTOBER 2024